

8 • Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan



8.1 PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN AGENSI KERAJAAN (CIGC)

telah menjalankan kepelbagaian penawaran program dan aktiviti akademik dan hubungan industri yang berteraskan penyertaan dan komitmen daripada pihak industri sendiri. Semua program dan aktiviti Pusat ini bakal menjadi sebahagian kursus dan aktiviti teras kejuruteraan yang mampu mempertingkatkan daya saing di dalam bidang kajian rekabentuk, pemprosesan dan pengeluaran pelbagai produk yang berteraskan kejuruteraan serta kebolehpasaran pelajar.

8.2 PROGRAM DAN AKTIVITI

Program dan aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang melibatkan Unit Kebolehpasaran Pelajar dan Hubungan Industri adalah seperti di berikut:

8.2.1 Finishing School

Program ini dilaksanakan setiap tahun dengan menfokuskan kepada pelajar tahun akhir setiap Pusat Pengajian. Pada tahun 2017, program *Finishing School* Ijazah telah diadakan serentak bersama Karnival Kerjaya (Northern Industrial Career Engagement, NICE 2) pada 15- 16 Mei yang lalu. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi persiapan kepada para pelajar bagi menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar setelah bergraduat. Antara pengisian di dalam program ini adalah penulisan *resume*, komunikasi, career talk dan lain-lain.

8.2.2 Karnival Kerjaya "Northern Industrial Career Engagement" (NICE 2)

Karnival Kerjaya UniMAP diadakan sepanjang tahun bermula sejak tahun 2007. Program yang dikenali sebagai "Northern Industrial Career Engagement" (NICE 2) pada 2017, merupakan

satu program di mana seluruh pelajar tahun akhir akan turut serta dalam mendapatkan pekerjaan dan mendapat pendedahan yang merangkumi skop pekerjaan. Pada 15-16 Mei 2017 yang lalu, CIGC telah menerima seramai 3000 pelajar yang hadir bagi menghadiri temuduga dan mengintai peluang latihan industri. Seramai 38 industri sekitar Utara, Kuala Lumpur, Lembah Kelang, serta Sarawak menyertai program tersebut. Program juga turut disertai oleh jabatan dalaman UniMAP iaitu UniMAP Holding dan Pusat Pengajian Siswazah

Berikut adalah senarai syarikat yang menyertai NICE 2 2017 yang lalu:

Jadual 8.1: Senarai syarikat yang menyertai NICE 2 2017

No.	Nama Industri	Negeri
1	Vitrox Corporation Berhad	Pulau Pinang
2	UniMAP Holding	Perlis
3	Aemulus Corporation Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
4	B Braun Medical Industries Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
5	Silterra Malaysia Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
6	Luxoft Malaysia Office	Pulau Pinang
7	Pusat Pengajian Siswazah, UniMAP	Perlis
8	Micro Modular System Sdn. Bhd. (MMS)	Pulau Pinang
9	Pertama Ferroalloys Sdn. Bhd.	Bintulu, Sarawak
10	Industrial Automation (M) Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur
11	DDMan Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
12	New Hoong Fat Berhad	Klang, Selangor
13	Funfiek Technology Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
14	Great Eastern Life Assurance (M) Berhad & Great Eastern Takaful Berhad	Alor Star, Kedah
15	T.T.E Engineering (M) Sdn. Bhd.	PJ, Selangor
16	Petronnic Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur
17	Santai GPS Sdn. Bhd.	Kuala Lumpur
18	Fuji Electric (M) Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
19	ATC Surface Finishing Sdn. Bhd.	Kedah
20	First Solar Malaysia Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
21	Inari Technology Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
22	Kedah Industrial Skills And Management Development Centre (KISMEC)	Kedah
23	SAM Engineering & Equipment (M) Bhd	Pulau Pinang
24	Cypress Semiconductor (M) Sdn. Bhd.	Pulau Pinang
25	Press Metal Bintulu Sdn. Bhd.	Sarawak
26	Shorubber (M) Sdn. Bhd.	Perlis
27	Invest-in-Penang Berhad	Pulau Pinang
28	ADAX	Bangsar, Kuala Lumpur
29	MyStarJob.com	PJ, Selangor
30	OM Materials (Sarawak) Sdn. Bhd.	Bintulu, Sarawak
31	Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd.	Gurun, Kedah
32	INOKOM Corporation Sdn. Bhd.	Kulim, Kedah
33	PNS Academy	Kuala Lumpur

Antara program-program yang berjalan sepanjang program NICE 2 2017 adalah:

- Pembukaan booth-booth oleh Industri/UA/ Institut latihan.

- Sesi Temuduga dan Taklimat Kerjaya oleh pihak Industri.
- Pengumpulan resume bagi permohonan pekerjaan dan permohonan menjalani latihan Industri.
- Career Talk di Dewan Kecemerlangan
- Coffee Talk di Executive Lounge
- Jualan Makanan "Food Truck"

Selain daripada aktiviti diatas, pada julung kalinya, pada hari yang sama Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) mengadakan program CEO Talk disampaikan oleh VVIP Jemputan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya dan beliau turut merasmikan program karnival kerjaya tersebut.



8.3 AKTIVITI HUBUNGAN INDUSTRI

8.3.1 INTEL- UniMAP Smart Partnership: Recruitment for High Skills Graduates

Temuduga terbuka merupakan satu program yang dilaksanakan setiap tahun bergantung kepada kekosongan di dalam industri. Pihak CIGC mengambil peranan yang proaktif dalam mengadakan temuduga terbuka ini bagi membolehkan pelajar tahun akhir UniMAP segera mendapatkan pekerjaan selepas bergraduat dan sebelum bergraduat. Pada tahun 2017, UniMAP telah diberi peluang menyertai temuduga bagi pengambilan 2018. Seramai 34 pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah menghadiri temuduga tersebut bertempat di INTEL Sdn Bhd Pulau Pinang. Program ini juga diadakan bagi memenuhi keperluan rekrut bagi INTEL MALAYSIA Q1, Q2 2018 dimana dianggarkan seramai 450-600 kekosongan di INTEL Malaysia Design Centre (MDC) - INTEL PG12. Selain itu, Program ini dapat memberikan pendedahan berguna kepada pelajar UniMAP tentang peluang pekerjaan di INTEL MDC. UniMAP juga mengambil peluang mengadakan lawatan balas ke INTEL PG9 bagi menjalin hubungan baik antara INTEL, CIGC dan UniMAP FTK.



8.3.2 Graduate Training Program (GTP) by Advance Pact Sdn. Bhd.

Program latihan GTP oleh pihak Advance Pact Sdn Bhd merupakan suatu program kerjasama pihak CIGC dan juga HiCOE Healthcare Cluster, UniMAP yang mana memberi manfaat berkenaan penempatan latihan dan peningkatan kompetensi kepada pelajar-pelajar tahun akhir jurusan kejuruteraan bioperubatan. Program temuduga bagi calon yang layak telah di adakan di PPK Mekatronik, UniMAP pada 5 Jun 2017. Di samping mendapat penempatan pekerjaan setelah latihan berakhir, pelajar yang terpilih juga akan dibekalkan dengan sijil kompetensi yang sangat berguna untuk kebolehpasaran pekerjaan mereka. Gambar-gambar bagi aktiviti temuduga yang berlangsung adalah seperti berikut:





8.3.3 Talent Ready 101: Voice PruBSN

Suara PruBSN bertujuan untuk membantu pelajar yang akan bergraduasi agar mempunyai persiapan yang baik dalam menghadapi situasi temuduga pekerjaan masa hadapan. Seramai 150 orang pelajar telah menghadiri program ini yang terdiri daripada pelajar program perniagaan dan juga iKOM. Pelajar telah menjalani latihan selama setengah hari pada 4 November 2017 dengan bantuan Rangkaian Bakat ICONIX. Sepanjang sesi berlangsung, para pelajar telah didedahkan dengan perbincangan kebolehan sendiri secara ringkas, dengan ucapan yang persuasif untuk menarik perhatian majikan yang berpotensi. Program ini juga dilihat dapat mewujudkan minat para pelajar dalam percambahan idea baharu dan memupuk minat dalam projek, idea atau produk yang terkini. Pemenang-pemenang yang berjaya bagi sesi-sesi yang dijalankan telah dianugerahi dengan hadiah-hadiah tunai yang lumayan oleh pihak suara PruBSN. Antara gambar-gambar aktiviti yang terlibat adalah seperti berikut:



8.3.4 Talent Engagement with Malaysian digital economy cooperation (MDEC)

Program pembangunan dan juga pengenalan kepada potensi penjana kewangan melalui ekonomi digital oleh pihak MDEC berlangsung selama setengah hari pada 4 Ogos 2017. Program ini di hadiri oleh seramai 100 orang pelajar-pelajar diploma yang terdiri daripada program-program komputer, elektronik dan elektrik. Pelajar telah di dedahkan kepada beberapa program daripada MDEC dan peluang-peluang pekerjaan yang relevan kepada pelajar-pelajar yang hadir. Program ini juga dilihat dapat membuka minat pelajar di dalam bidang keusahawanan digital yang semakin mendapat tempat di era



teknokeusahawanan masa kini. Antara gambar-gambar sepanjang aktiviti berlangsung adalah seperti berikut:



Program ini melibatkan lebih 100 orang pelajar yang merangkumi sebanyak 3 sesi iaitu pada 18-19 November, 25-26 November dan 2-3 Disember 2017. Di akhir program, setiap pelajar yang menghadiri kursus ini akan dibekalkan dengan sijil kompetensi yang sangat bernilai untuk kebolehpasaran kerjaya mereka nanti.



8.3.5 Microtik MTCNA: Up-skilling program by Advance Engineering Communication Centre (ACE)

Program peningkatan kemahiran perkomputeran MICROTIK MTCNA merupakan kerjasama CIGC dengan ACE, UniMAP dalam membekalkan nilai tambah kepada pelajar tahun akhir UniMAP. Program ini dikelola sepenuhnya oleh pasukan penyelidik ACE yang diketuai oleh Prof. Madya. Ir. Dr Faizal Jamlos. Pelajar didedahkan dengan program perkomputeran bermula di peringkat "hardware, programming dan juga software".

8.3.6 Career Fair Road Tour Series @ Different Regions

Demi menjamin dan meningkatkan kebolehpasaran graduan lepasan UniMAP, pihak CIGC mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pelajar berminat untuk mengikuti program-program kerjaya berimpak di seluruh Malaysia. Sepanjang

tahun 2017, pihak CIGC telah mengatur perjalanan bagi pelajar untuk karnival kerjaya SLIM bertempat di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Di samping itu juga, pihak CIGC juga turut menjadi medium hebahan kepada para pelajar untuk informasi karnival kerjaya yang di jalankan di seluruh Malaysia. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:



8.3.7 Alcon - UniMAP Smart Partnership

Program kerjasama Alcon-UniMAP telah dipelopori oleh pihak CIGC dan juga HiCOE Healthcare cluster, UniMAP sejak tahun 2016 lagi. Program kerjasama yang dimulai dengan program penempatan latihan pelajar lepasan UniMAP (GTP) telah di kembangkan ke bidang

penyelidikan. Hasil dari kerjasama ini, seramai 7 orang pelajar telah diserap terus sebagai pekerja di Alcon (Johor) Sdn. Bhd. Manakala kerjasama penyelidikan pula telah menjangkau aktiviti penyelidikan bersama di antara penyelidik UniMAP dan juga tenaga pakar di Alcon (Johor) Sdn. Bhd. sehingga Disember 2017, sebanyak 5 projek penyelidikan telah di persetujui untuk dijalankan bersama di mana merangkumi peruntukan sebanyak RM500,000. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:



8.3.8 Lawatan Balas dan Mesyuarat Hala Tuju MoU UniMAP - Continental Automotive Components Sdn. Bhd.

Pada 7 Disember 2017 yang lalu, Fakulti Teknologi Kejuruteraan bersama Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) telah meneruskan kerjasama dalam Projek UniMAP-Continental Public Private Partnership dalam bidang Kejuruteraan Perisian. Program ini diteruskan bagi mewujudkan kerjasama projek dengan menyediakan tajuk Final Year Project (FYP 1 dan FYP 2) kepada pelajar FTK yang terpilih dalam bidang *Big Data*. Kesempatan ini juga diambil bagi membincangkan persediaan untuk menjalankan kerjasama lebih rapat melalui MoU bagi tahun 2018 antara kedua-kedua belah pihak iaitu UniMAP dan Continental. Aktiviti ini juga dijalankan sebagai lawatan balas ke Continental Automotive Components Sdn Bhd disamping membuat hubungan baik antara CONTINENTAL, CIGC dan UniMAP FTK.

8.3.9 Lawatan Industri di Perlis Bersama Shorubber Sdn Bhd

Lawatan Industri ke Shorubber Sdn Bhd Perlis telah diadakan pada 21 Disember 2017 yang lalu. Lawatan ini bertujuan bagi menjalinkan kerjasama dengan industri dan meneroka aktiviti penyelidikan bersama dalam industri serta menempatkan kepakaran UniMAP sekaligus mewujudkan jaringan strategik yang efektif. Delegasi UniMAP turut dibawa melawat keseluruhan kilang bagi melihat sendiri pengendalian mesin-mesin bagi memproses pengeluaran sarung tangan syarikat itu yang juga anak syarikat Showa Glove Japan. Shorubber menyambut baik hasrat UniMAP dan teruja untuk berkolaborasi dengan universiti kejuruteraan itu dalam memperkasa manfaat bersama yang mampu memberi impak kepada bidang kepakaran yang dipelopori oleh Shorubber.

8.3.10 Lawatan Industri Ke Nichias FGS, Jitra.

Pada 16 August 2017 yang lalu, Unit Kebolehpasaran Pelajar dan Hubungan Industri telah mengadakan lawatan dan perbincangan bersama pihak Industri di Jitra iaitu Nichias FGS. Objektif utama lawatan ini adalah untuk meningkatkan kerjasama antara UniMAP dan Nichias, mengetahui jawatan yang ditawarkan, pengambilan program latihan industri di Nichias

dan lain-lain program yang boleh di tawarkan oleh UniMAP kepada Nichias. Selain itu, perbincangan lanjut juga membabitkan isu-isu penyelidikan yang boleh dilakukan oleh penyelidik UniMAP di Nichias.



8.3.11 Resume Clinic

Pada 5 November yang lalu seramai 150 orang pelajar termasuk 96 pelajar daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah menghadiri resume clinic anjuran PPK Mikroelektronik UniMAP. Penceramah jemputan adalah Alex Goon, College Program Manager, Global Talent Acquisition, Intel Technology Sdn Bhd. Pada hari tersebut, pelajar didedahkan dengan penulisan resume yang mana merupakan elemen terpenting sebelum pelajar dipanggil sesi temuduga. Pelajar juga diberikan pendedahan teknik-teknik untuk persediaan penulisan resume kepada pelajar UniMAP (Sebelum menjalani Latihan Industri pada 15 Januari 2018 hingga 29 Jun 2018). Penceramah jemputan turut menekankan kepentingan persiapan menghadiri temuduga dan tatacara ketika menjawab soalan semasa sesi temuduga.



8.4 THE FINALE 2017 CALL FOR RECRUITMENT & TRAINING PROGRAM

Pada tanggal 24 dan 25 Oktober 2017 yang lalu, CIGC telah melaksanakan program mini kerjaya yang di panggil THE FINALE 2017. Objektif pelaksanaan ini adalah inisiatif untuk para graduan dan alumni UniMAP yang masih tidak bekerja untuk mencuba mengisi pelbagai kekosongan pekerjaan dan latihan yang ditawarkan dari pelbagai industri di Malaysia. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti temuduga terbuka dan ceramah kerjaya. Berikut adalah senarai syarikat yang menyertai THE FINALE 2017 yang lalu.

Jadual 8.2: Senarai Syarikat yang menyertai Mini Karnival Kerjaya 2017.

Bil.	Syarikat
1.	Advance Integrated Management Systems Sdn. Bhd.
2.	Exabytes Networks Sdn. Bhd.
3.	Institutions of Mechanical Engineers
4.	Mattel (Malaysia) Sdn. Bhd.
5.	Prestariang Systems Sdn. Bhd.
6.	Prudential BSN Takaful Berhad
7.	Santai GPS Sdn. Bhd.
8.	Silterra Malaysia Sdn. Bhd.
9.	Teledirect Telecommerce Sdn. Bhd.
10.	The Agency Group
11.	Vitrox Corporation Berhad



8.5 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Dalam meningkatkan kebolehpasaran siswazah, beberapa tugas telah dijalankan antaranya:

1. Merancang dan melaksanakan program-program Kebolehpasaran Siswazah bagi UniMAP.
2. Mengemaskini statistik pelajar tahun akhir yang mendapat tawaran pekerjaan.
3. Mengadakan hubungan jaringan bersama industri terutama dalam bidang pembangunan kerjaya.
4. Penyediaan kertas kerja berkaitan pembangunan kerjaya pelajar UniMAP
5. Merangka dan melaksanakan pelbagai aktiviti dengan penyertaan industri bagi kakitangan dan pelajar yang melibatkan industri.
6. Mempertingkatkan pandangan umum dan industri terhadap program akademik dan mutu graduan UniMAP dengan penyertaan rapat oleh industri dalam program pengajiannya.
7. Mengadakan lawatan industri bagi tujuan kolaborasi peluang pekerjaan dan latihan industri kepada pelajar

Data kebolehpasaran graduan UniMAP diukur dalam tempoh semasa konvokesyen pelajar. Data peratusan sehingga Oktober 2017 adalah seperti berikut:

Jadual 8.3: Statistik dan Peratusan Kebolehpasaran Siswazah 2012-2017

Bil.	Pusat Pengajian	2012	2013	2014	2015	2016	2017
1.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik	50.44	53.26	57.98	59.33	68.05	74.9
2.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan	50.50	42.97	65.00	69.35	84.53	89.83
3.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses	52.27	57.61	54.65	62.92	59.26	67.86
4.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar	62.31	37.60	60.87	74.81	63.33	89.55
5.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik	62.50	42.70	68.91	64.38	78.99	96.26
6.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan	49.62	45.52	63.24	76.32	65.24	67.27
7.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik	43.66	55.73	48.26	56.67	68.75	79.82
8.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan	51.06	57.72	63.46	60.38	54.74	92.39
9.	Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan	46.42	46.92	53.71	51.34	85.05	83.80
10.	Pusat Pengajian Komunikasi dan Media Baru	NA	NA	NA	NA	NA	97.06
11.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	NA	NA	NA	NA	76.4	85.94
12.	Pusat Pengajian Siswazah	64.91	75.71	81.37	80.90	73.49	80.60
13.	Pusat Pengajian Diploma	78.70	90.36	88.70	87.43	91.47	93.92
Kebolehpasaran Siswazah (%)		55.73	53.99	64.39	67.28	75.39	84.6
Status	Syarikat Multinasional	515	493	413	288	362	511
	Syarikat Swasta Tempatan & GLC	295	438	348	384	552	336
	Agensi Kerajaan	25	68	27	95	99	120
	Melanjutkan Pengajian	110	312	386	496	472	340
	Meningkatkan Kemahiran/Berkerja Sendiri dan Lain-Lain	252	250	315	923	718	466
	Tidak Bekerja	308	243	242	240	703	484
Jumlah		1505	1804	1731	2426	2906	2257

8.6 PROGRAM LATIHAN INDUSTRI (InTra)

Latihan Industri (InTra) di Universiti Malaysia Perlis adalah merupakan salah satu kursus yang wajib diduduki oleh semua pelajar Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 atau Tahun 4 UniMAP yang mana ianya adalah untuk memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh "Board of Engineers Malaysia".

Berikut adalah Jadual Pelaksanaan Latihan Industri Program Ijazah dan Diploma yang terkini yang akan berlangsung pada 2017.

Program	Program/Kod Kursus	Masa	Jumlah Pelajar
Ijazah	Teknologi Kejuruteraan (PIT 304/12)	16 Januari - 30 Jun (24 minggu)	573
	Komunikasi Media Baharu (KIT 432/6)	12 Jun - 3 September (12 Minggu)	136
	Kejuruteraan EIT 302/4) & Perniagaan (RP 52- BIT 291/6)	26 Jun - 3 September (10 Minggu)	1960
	Perniagaan (RE 09-BIT (190/290)/3)	3 Julai - 27 Ogos (8 Minggu)	520
Diploma	Kejuruteraan (DIT 361/6)	14 November - 2 Mac (16 minggu)	317

8.7 BENGKEL KEPIMPINAN InTra

Pelajar-pelajar perlu mengikuti latihan industri sebagaimana yang disyaratkan dalam keperluan universiti. Bengkel Kepimpinan Latihan Industri (InTra) 2018 diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang organisasi-organisasi baru yang menuntut kepelbagaian kemahiran semasa mereka mengikuti latihan industri kelak. Program ini merupakan salah satu program 7 Pillars yang perlu diikuti oleh semua pelajar UniMAP sebelum bergraduasi.

Objektif program ini ialah:

- Menghasilkan graduan yang mempunyai daya saing untuk cemerlang, berhemah tinggi, dan mempunyai daya tahan cabaran yang kental dari segi rohani dan jasmani.
- Menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan kerjasama berpasukan dalam sesuatu organisasi.
- Memberi latihan keyakinan dan jati diri dalam menghadapi cabaran di alam pekerjaan.
- Memberi penerangan kepada pelajar yang bakal menjalani Latihan Industri tentang peraturan-peraturan, garis panduan serta kehendak pihak Industri dan UniMAP.
- Melengkapkan para pelajar dengan persediaan serta maklumat-maklumat asas bagi menjalani Program Latihan Industri.
- Memberi motivasi kepada para pelajar supaya dapat memberikan imej yang baik di industri / syarikat sepanjang tempoh Latihan Industri.



Taklimat industri kepada pelajar

Tarikh	Jumlah Peserta	Tempat
7 Januari 2017	136	Dewan Kecemerlangan Pauh
26-25 Februari 2017	2480	
13 Mei 2017	573	
8 Julai 2017	317	